

MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM
(BAHAGIAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM)

AKHBAR : BERITA HARIAN
TARIKH / HARI : 16 JANUARI 2017 (ISNIN)



→ 40 penduduk Rumah Teres Seksyen 24 Setia bercucuk tanam di kawasan perumahan tampung kos sara hidup

Penduduk Rumah Teres Seksyen 24 Setia bergambar di hadapan Kebun Komuniti yang mereka usahakan.

Oleh Norzamira Che Noh
bhnews@bh.com.my

Shah Alam

Meskipun tanah yang diusahakan hanya 'sekang-kang kera', seramai 40 penduduk di Rumah Teres Seksyen 24 Setia di sini, boleh dianggap 'pahlawan cangkul' apabila mereka gigih bercucuk tanam di kawasan perumahan, untuk menampung kos sara hidup.

Mereka mengambil langkah penjimatan itu berikutan kenaikan harga barangan termasuk sayur-sayuran, selain menghijaukan kawasan perumahan.

Pengerusi Kebun Komuniti Seksyen 24 Setia, Ramli Mohd Salleh, berkata usaha membangunkan kebun di tanah lapang berkeluasan 0.1 hektar itu banyak dibantu Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) menerusi Perwakilan Penduduk (MPP) Zon 8.

"Pada awalnya, 30 penduduk di sini menyertai kami dalam mengusahakan kebun ini. Kami mengambil masa kira-kira dua bulan untuk membina 42 batas kerana ia dilakukan sendiri dengan kekuatan tulang empat kerat dan cangkul," katanya ketika ditemui *BH Plus* di sini.

Beliau berkata, selain bantuan tenaga, bahan seperti tanah baja, benih sayuran dan peralatan bertani pula adalah hasil sumbangan MPP Zon 8 manakala ahli komuniti turut diberi khidmat nasihat mengenai cara penanaman yang be-

tul oleh Jabatan Pertanian.

Katanya, pihaknya dinasihatkan menanam sayur-sayuran yang senang ditanam serta boleh dituai dengan cepat seperti kangkung, bayam, bendi, cili dan terung.

"Tanaman sayur-sayuran ini akan memberikan hasil dalam tempoh dua hingga empat minggu dan tuaian juga dilakukan sendiri oleh ahli komuniti.

Hasil tuaian dibahagi

"Hasil tuaian akan dibahagikan sama rata kepada penduduk di kawasan ini. Penduduk di setiap lorong akan melantik seorang ketua yang ditugaskan membahagikan hasil tanaman," katanya.

Ramli berkata, walaupun tidak semua penduduk terbabit dalam projek berkenaan, hasil tanaman tetap dikongsi bersama dan ternyata ia menarik lebih ramai ahli komuniti untuk turut serta mengusahakan kebun itu.

Katanya, berikutan sambutan yang menggalakkan diterima oleh penduduk sekitar yang membeli sayur-sayuran yang diusahakan, persatuan kini memperuntukkan sebanyak 70 peratus daripada tanaman yang diusahakan untuk dijual manakala 30 peratus lagi bagi kegunaan ahli komuniti.

"Sebelum ini, kami tidak terlalu fokus kepada penanaman komersial kerana tujuan utama kebun ini dibangunkan adalah untuk kegunaan penduduk di sini dan jika ada lebihan sayur, baru kami jual kepada orang ramai.

"Sayur-sayuran yang kami ta-

nam adalah jenis organik dan tidak menggunakan sebarang baja kimia. Kami menggunakan tahi ayam serta turut memproses baja kompos dengan sisa tumbuhan dari kebun," katanya.

Beliau berkata, baja kompos serta baja yang dihasilkan daripada campuran kangkung dan gula merah digunakan mereka untuk memastikan tanaman subur dan bebas serangga perosak.

Sayur organik

Katanya, orang ramai yang berminat mendapatkan hasil tanaman sayur organik berkenaan boleh hadir ke kebun itu pada setiap petang Ahad tetapi jualan bergantung kepada hasil tuaian pada hari berkenaan.

"Hasil jualan yang diperolehi kami setakat ini adalah RM350 hingga RM400 sebulan bergantung kepada sambutan dan harga sayur di pasaran.

"Ia akan digunakan untuk membantu golongan kurang berkemampuan dalam komuniti kami sendiri seperti ibu tunggal dan warga tua selain digunakan untuk menambak baik kebun ini," katanya.

Ramli berkata, tahun ini, persatuan itu merancang untuk memaksimumkan hasil tanaman dan mencantikkan lagi kebun untuk pertandingan kebun komuniti MBSA, Mac ini.

Selain itu, katanya, mereka kini dalam perancangan untuk menjual anak pokok buah-buahan, benih dan anak pokok sayur-sayuran serta baja untuk mempelbagaikan lagi hasil kebun.

MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM
(BAHAGIAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM)

AKHBAR : BERITA HARIAN
TARIKH / HARI : 16 JANUARI 2017 (ISNIN)



Penduduk Rumah Teres Seksyen 24 Setia terung yang ditanam.

Info

**Aktiviti penduduk
di Rumah Teres
Seksyen 24 Setia,
Shah Alam**

- **Kebun Komuniti** Seksyen 24 Setia muncul Naib Johan Anugerah Hijau Zon Bersih (Mini) MBSA pada 2015.
- **Memperoleh** tempat keenam dalam kategori Kebun Komuniti Selangor di Pameran Antarabangsa Pertanian Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) 2016.
- **Bermula** pada 2015 tetapi tidak mendatangkan hasil yang bagus.
- **Awal 2016**, tanaman mula menjadi.
- **Proses tanaman** tiga kali dalam setahun dengan kali terakhir pada hujung Disember 2016.